



Since 1975

# BINA PURI HOLDINGS BHD

## PRESS RELEASE

---

**Utusan Malaysia**  
**21 March 2009**

### **Bina Puri lebih agresif di Asia Barat**

DUBAI 20 Mac - Syarikat pembinaan Malaysia, Bina Puri Holdings Bhd. kini berusaha secara agresif untuk mendapatkan projek di Asia Barat dengan kumpulan membida projek-projek berpotensi bernilai kira-kira RM2 bilion di Emiriah Arab Bersatu (UAE).

Pengurus Besar Projeknya Lee Seng Fong berkata, walaupun dengan kelembapan ekonomi global, prospek di Timur Tengah masih baik meskipun sesebuah syarikat perlu berhati-hati apabila berkembang di rantau itu.

"Pada masa ini, kami berada di Dubai, Abu Dhabi, Oman, Bahrain dan Syria," kata Lee kepada pemberita semasa Pameran Perkhidmatan Malaysia 2009 di sini yang berakhir Khamis.

Pada masa ini, kumpulan mempunyai kontrak dalam tangan bernilai RM2.7 bilion.

Antara projeknya yang berprestij ialah tiga lebuh raya di India, hotel mewah lima bintang di Kathmandu, Nepal, bangunan Kedutaan dan kediaman Duta Malaysia di Beijing, China serta jalan akses ke projek Lapangan Terbang Antarabangsa Bangkok yang baru di Bangkok, Thailand.

Projeknya yang terkenal di Malaysia termasuk jalan Kota Kinabalu-Sulaman, dua blok bangunan kerajaan untuk Pusat Pentadbiran Putrajaya, Putrajaya dan Jalan Timur Barat (Kupang-Gerik).

Beliau berkata, sokongan kerajaan adalah penting untuk syarikat Malaysia yang berhasrat meneroka ke seberang laut.

"Pameran Perkhidmatan Malaysia (MSE) di Dubai yang diterajui oleh agensi penggalakkan perdagangan negara, Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) tepat pada masanya memandangkan ia menunjukkan bahawa syarikat pembinaan Malaysia masih ada di rantau Timur Tengah ini," katanya.

MSE Dubai yang berlangsung mulai 17-19 Mac, menampilkan sektor perkhidmatan Malaysia yang terdiri daripada pelbagai bidang. Sektor perkhidmatan dijangka memacu pertumbuhan ekonomi di negara-negara Afrika dan Timur Tengah.

Bina Puri merupakan satu daripada peserta pameran berkenaan.

Lee berkata, terdapat minat yang mendalam yang ditunjukkan kepada Bina Puri semasa MSE 2009 dengan pelawat dari Timur Tengah menyatakan minat mereka untuk membentuk usaha sama dengan syarikat. - Bernama

For further enquires, please contact:

CIK SURATI SUJOR  
Group Corporate Communication Dept.  
**BINA PURI HOLDINGS BHD**  
Tel : 03-6136 3333 (3005)  
Fax : 03-6136 9999  
E-mail: [surati@binapuri.com.my](mailto:surati@binapuri.com.my)